



Anwar akan bincang dengan KPT, beri kelonggaran IPT adakan konsert 'kecil, terkawal'

Oleh [Hidayatidayu Razali](#) - Jun 18, 2023 @ 6:27pm
bhnews@nstp.com.my



Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim beramah mesra dengan sebahagian pelajar ketika hadir Program "Temu Anwar" di Dewan Universiti Malaysia Bachok (UMK) di sini, hari ini. - Foto NIK ABDULLAH NIK OMAR

BACHOK: Perdana Menteri akan mengadakan perbincangan dengan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) mengenai kelonggaran institut pengajian tinggi (IPT) untuk mengadakan konsert 'kecil dan terkawal' di dalam kampus.

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, perbincangan itu akan diadakan dengan Menteri KPT, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin menerusi mesyuarat pada Rabu ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya seorang mahasiswa menerusi Program 'Temu Anwar' Kelantan di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) hari ini, mengenai tindakan yang bakal diambil susulan konsert yang diadakan di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, kemungkinan kerajaan akan longgarkan sedikit iaitu untuk adakan program kebudayaan dan konsert di kampus, namun ia diadakan secara kecil dan terkawal.

"Konsert dengan kawalan boleh diadakan tetapi kita kawal sedikit. Saya tidak beri kelonggaran untuk anak muda rosak akhlaknya. Jaga akhlak itu yang paling penting.

"Bagaimanapun ia akan diberikan untuk program kebudayaan. Tapi yang sambut itu (konsert) tidak besar mungkin boleh beri kebenaran kepada kampus. Saya akan bincang dengan Menteri KPT Rabu ini," katanya.

Beliau berkata, perbincangan itu untuk mendengar pandangan dan reaksi, selain melihat semula salinan arahan yang dikeluarkan oleh pihak IPT terbabit untuk menyelesaikan masalah itu.

Terdahulu, tular rakaman video sebuah konsert yang memaparkan gelagat penuntut lelaki dan perempuan sedang berhibur sambil menari sehingga menarik perhatian orang ramai.

Susulan itu, media melaporkan kerajaan negeri Terengganu akan melakukan siasatan berhubung sebuah video konsert yang tular kononnya berlangsung di dalam dewan sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di Terengganu, baru-baru ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pelaksanaan Syariah, Pendidikan dan Pengajian Tinggi negeri, Datuk Satiful Bahri Mamat, berkata ketika ini, pihaknya masih belum mendapat sebarang maklumat mengenai perkara itu.